



KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI DAN BUDAYA



Balai Seni Negara  
National Art Gallery

UKK/600-01/05 (87)

## SIARAN MEDIA

### MANIFESTASI DUA SENI 2024: MEMARTABATKAN SENI DAN SASTERA

**23 NOVEMBER 2024 – *Manifestasi Dua Seni*** bakal menjadi satu lagi platform penting dalam memartabatkan karya seni dan sastera tanah air. Program merupakan anjuran Balai Seni Negara, yang bertujuan untuk menyokong pelaksanaan program-program yang memperkaya pengalaman seni masyarakat, sekaligus memupuk kreativiti dan penghargaan terhadap seni tempatan.

Program yang berlangsung bermula dari November hingga Januari 2025 ini menawarkan pengalaman seni yang luar biasa, menggabungkan dua cabang seni utama iaitu seni visual dan sastera sebagai usaha bagi memperkuuh identiti budaya Malaysia. Penganjurannya sejarar dengan seruan YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, menerusi ucapan beliau dalam Belanjawan 2024 pada Oktober lalu, untuk memartabatkan karya seni dan sastera negara serta memupuk minat golongan belia terhadap karya agung.

***Manifestasi Dua Seni*** memberi tumpuan kepada kolaborasi antara pelukis, penulis, penyair, dan penggiat seni, dengan harapan mencipta pengalaman seni yang lebih bermakna. Dengan menampilkan karya-karya agung sastera dan seni visual, program ini turut memperkenalkan penulis dan pelukis dari pelbagai latar belakang kepada khalayak yang lebih luas. Ia juga berperanan sebagai medium untuk menghargai karya-karya lama, sambil memberi ruang kepada karya baharu untuk berkembang.

Program ini melibatkan pelbagai persatuan seni dan budaya di seluruh negara, termasuk Roman Buku Sdn. Bhd. di Kuala Lumpur, PORT di Ipoh, Perak, Persatuan Pelukis Negeri Perlis, Persatuan Pelukis Terengganu (PeTer), Senika di Kuantan, Pahang dan Kotak Seni di Kelantan. Selain itu, Ambeng Art Space di Johor, Kumpulan Pelukis Negeri Melaka, Persatuan Seni Visual Sabah, dan Haus KCH di Sarawak juga turut serta dalam menjayakan program ini.

Setiap persatuan akan menganjurkan aktiviti kesenian seperti pameran, bengkel seni, malam puisi, dan persembahan seni, yang menyerlahkan keunikan seni dan sastera di setiap negeri. Terdapat juga pertandingan melukis dan menulis berdasarkan karya agung, memberi peluang kepada peserta untuk mengekspresikan kreativiti mereka melalui seni visual dan penulisan.

**Manifestasi Dua Seni** dilihat sebagai sebuah wadah yang mampu mengangkat karya sastera agung ke tahap yang lebih tinggi. Pendekatan ini bukan sahaja meraikan bakat tempatan, malah turut berfungsi sebagai jambatan yang menghubungkan generasi serta pelbagai latar belakang budaya, demi memperkuuh warisan seni negara.

Orang ramai dijemput untuk memeriahkan **Manifestasi Dua Seni** yang berlangsung dari November hingga Januari 2025. Untuk maklumat lanjut mengenai jadual program, ikuti media sosial rasmi Balai Seni Negara atau layari sesawang di [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my).

---

*Dikeluarkan:*

**Unit Komunikasi Korporat  
BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA**

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur

Tel: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: [ukk@artgallery.gov.my](mailto:ukk@artgallery.gov.my) W: [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)

**Untuk pertanyaan, sila hubungi:**

**Balai Seni Negara:**

**Zuriyadi Sarpin**

T: +60 11 1005 5207

E: [zuriyadi@artgallery.gov.my](mailto:zuriyadi@artgallery.gov.my)

**Intan Syazwina Suhaimi**

T: +60 19 998 5884

E: [syazwina@artgallery.gov.my](mailto:syazwina@artgallery.gov.my)